

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

SOALAN NO. 470

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI AIR,
TANAH DAN SUMBER ASLI menyatakan status projek mendalamkan dan
benteng pemecah ombak di Muara Sungai Dungun.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerja-kerja mendalamkan Muara Sungai Dungun sedang dilaksanakan oleh syarikat yang mendapat kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Terengganu.

Kajian Pemuliharaan Muara Sungai Dungun, Terengganu telah siap dilaksanakan pada tahun 2010 dan struktur pemecah ombak dicadangkan bagi mengatasi masalah muara yang cetek dan terdedah kepada laut China Selatan. Permohonan peruntukan akan dipohon dalam *Rolling Plan 4* (2020) RMKe-11.

Sekian, terima kasih